



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**KAJIAN PENGURUSAN KAEDAH PAMERAN : MUZIUM ETNOLOGI
NEGERI SARAWAK**

MOHAMAD NAZRI BIN ABU BAKAR

(31060)

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

**KAJIAN PENGURUSAN KADEAH PAMERAN : MUZIUM ETNOLOGI NEGERI
SARAWAK**

**MOHAMAD NAZRI BIN ABU BAKAR
(31060)**

Penyelidikan ini merupakan salah satu keperluan untuk memperoleh Ijazah
Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(2014)

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the20.....day of.....Jun.....2014.

Student's Declaration:

I,MOHAMAD NAZRI BIN ABU BAKAR, 31060, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS..... hereby declare that the work entitled ..KAJIAN PENGURUSAN KADEAH PAMERAN : MUZIUM.....

ETNOLOGI NEGERI SARAWAK.. is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20 Jun 2014

Date submitted

Mohamad Nazri Bin Abu Bakar (31060)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration :

I,Mr. Alexander Ak Chelum....., hereby certifies that the work entitled ..KAJIAN PENGURUSAN KADEAH PAMERAN : MUZIUM ETNOLOGI NEGERI SARAWAK..... was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a *

partial/full fulfillment for the conferment of ..BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS.....

.....(ARTS MANAGEMENT).., and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **Mr. Alexander Ak Chelum** Date: **20 Jun 2014**
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (\checkmark)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(20 Jun 2014)

Supervisor signature: _____
(20 Jun 2014)

Current Address:

T-1, Felda Sungai Nerek, 28030, Temerloh, Pahang Darul Makmur

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Penyelidikan yang bertajuk “Kajian Pengurusan Kaedah Pameran : Muzium Etnologi Negeri Sarawak” ini telah disediakan oleh Mohamad Nazri Bin Abu Bakar dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....
(En. Alexander Ak Chelum)

Tarikh:
.....

PENGAKUAN PENYELIDIK

Saya mengakui tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Yang benar,

.....
MOHAMAD NAZRI BIN ABU BAKAR

31060

Pelajar Program Pengurusan Seni



Penyelidik : Mohamad Nazri Bin Abu Bakar

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan penyelidikan dan projek tahun akhir saya selama tiga tahun berada di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa saya, En. Abu Bakar Bin Khalid dan Puan Asma Binti Morat yang telah banyak membantu saya dalam memberikan bantuan kewangan dan sentiasa memberikan kata-kata semangat untuk saya meneruskan sesi pembelajaran di UNIMAS.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia bagi penyelidikan tahun akhir saya iaitu En. Alexander Ak Chelum. Beliau banyak memberikan tunjuk ajar untuk saya terus berusaha dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Selain daripada itu, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua informan iaitu Cik Liliana Ubong Petrus dan Puan Nor Lailawati Binti Haji Ahmad yang banyak memberikan kerjasama dalam membantu saya mendapatkan maklumat dan data berkaitan objek dan subjek penyelidikan saya.

Akhir kata, tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada para sahabat, khususnya Nor Fazilah Binti Abd Majid. Beliau secara langsungnya telah menyokong saya dan memberi semangat kepada saya sepanjang saya menjalani sesi pembelajaran di UNIMAS. Beliau juga menjadi perangsang kepada saya untuk menghadapi segala kesulitan yang dihadapi sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga sahabat lain yang turut memberikan bantuan dan kerjasama kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Setiap bantuan yang anda berikan secara langsung maupun tidak langsung, amat saya hargai. Terima kasih semua.

ABSTRAK

Kajian deskriptif ini merupakan sebuah penyelidikan berkaitan Pengurusan Kaedah Pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Penyelidikan ini memfokuskan kepada bidang pengurusan pameran seperti kaedah serta prosedur bagi melakukan pameran di sesebuah muzium. Pengkaji telah menjalankan penyelidikan ini berlandaskan tiga (3) objektif utama yang telah ditetapkan. Antaranya adalah, pertama, mengenalpasti keberkesanan pengurusan kaedah pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak, kedua, mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pameran koleksi di Muzium Etnologi Negeri Sarawak, dan akhir sekali mengetahui kaedah pengurusan pameran yang diaplikasikan oleh kurator untuk melakukan pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada golongan pengkaji yang lain pada masa akan datang. Selain itu, penyelidikan ini penting kepada masyarakat untuk dijadikan sebagai medium bagi memungut bukti kepada keraguan dan memberi jawapan kepada keraguan yang timbul berkaitan objek dan subjek kajian. Muzium Etnologi Negeri Sarawak, muzium-muzium yang lain, serta pihak kurator, dapat menjadikan penyelidikan ini sebagai alat untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan pameran yang dilakukan supaya mampu memperbaikinya ke tahap yang lebih baik.

ABSTRACT

This descriptive study is a relevant research method Exhibition Management at the State Museum of Ethnology. This research focuses on the management of exhibitions such as the methods and procedures for doing the show in a museum. The researcher conducting this research is based on three (3) main objectives that have been set. Among them are, first, determine the effectiveness of management methods exhibition at the State Museum of Ethnology, second, examines the factors that influence the method of collection exhibition in the State Museum of Ethnology, and finally discover the exhibition management methods applied by the curator to do an exhibition at Museum of Ethnology State. This research could be used as a reference to the other researchers in the future. In addition, this research important to the community to serve as a medium for collecting evidence to doubt and give answers to the doubts arise related objects and subjects. State Museum of Ethnology, other museums, and the curator, can make this research as a tool to identify the weaknesses and strengths of the show is done to be able to improve it to a better level .

KANDUNGAN

PENGESAHAN PENYELIDIKAN.....	i-iii
PENGAKUAN PENYELIDIK.....	iv
PENGHARGAAN.....	v-vi
ABSTRAK/ABSTRACT.....	vii-viii

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	1-2
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN.....	3
1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	3
1.4 PERSOALAN KAJIAN.....	4
1.5 SIGNIFIKAN KAJIAN.....	4-6
1.5.1 Kepentingan Kepada Golongan Pengkaji.....	4
1.5.2 Kepentingan Kepada Masyarakat.....	5
1.5.3 Impak Kepada Muzium Etnologi Negeri Sarawak.....	5
1.5.4 Kepentingan Kepada Muzium Lain.....	5
1.5.5 Kepentingan Kepada Kurator Muzium.....	5-6

1.6	SKOP KAJIAN.....	6-7
1.7	LIMITASI KAJIAN.....	7-8
1.8	LOKASI KAJIAN.....	8-9
1.9	KERANGKA KAJIAN.....	9
1.10	SISTEM PENYAMPAIAN KAJIAN.....	10
1.11	RUMUSAN.....	10

BAB 2

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	PENGENALAN.....	11
2.1	PENGENALAN KEPADA MUZIUM NEGERI SARAWAK.....	11-14
2.2	MISI JABATAN MUZIUM NEGERI SARAWAK.....	14
2.3	DEFINISI MUZIUM.....	15-16
2.4	DEFINISI PENGURUSAN.....	17
2.5	FUNGSI PENGURUSAN.....	17
2.6	PERANAN PENGURUSAN MUZIUM.....	18
2.7	DEFINISI KOLEKSI.....	18
2.8	PENGURUSAN KOLEKSI MUZIUM.....	18-22
2.9	PROSES PENDOKUMENTASIAN KOLEKSI.....	22-23
2.9.1	Dokumentasi/Borang Kemasukan.....	22
2.9.2	Dokumentasi/Borang Perolehan.....	22
2.9.3	Dokumentasi/Borang Koleksi.....	22

2.9.4	Dokumentasi/Borang Keluar.....	23
2.10	DEFINISI ETNOLOGI.....	23
2.11	PAMERAN.....	23-24
2.12	KAEDAH PAMERAN YANG BERKESAN.....	24-26
2.12.1	Kaedah Pameran “ <i>Hands-on</i> ” (<i>Hands-on exhibition</i>).....	25-26
2.13	KURATOR.....	26-27
2.14	RUMUSAN.....	27

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0	PENGENALAN.....	28
3.1	KAEDAH PENGUMPULAN DATA.....	28
3.1.1	Data Primer.....	29
3.1.1.1	Kaedah Kualitatif.....	29-30
3.1.1.2	Kaedah Kuantitatif.....	30
3.1.2	Data Sekunder.....	31
3.2	INSTRUMENT KAJIAN.....	31-32
3.3	RUMUSAN.....	32-33

BAB 4

ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	PENGENALAN.....	34-35
4.1	INFORMAN KAJIAN.....	35-36
4.2	DEMOGRAFI RESPONDEN.....	36-40
4.3	MENGENALPASTI KEBERKESANAN PENGURUSAN KAEDAH PAMERAN KOLEKSI MUZIUM ETNOLOGI NEGERI SARAWAK.....	40-62
4.4	MENGKAJI FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KAEDAH PAMERAN KOLEKSI DI MUZIUM ETNOLOGI NEGERI SARAWAK.....	63-68
4.5	MENGETAHUI KAEDAH PENGURUSAN PAMERAN YANG DIAPLIKASIKAN OLEH KURATOR UNTUK MELAKSANAKAN PAMERAN DI MUZIUM ETNOLOGI NEGERI SARAWAK.....	68-83
4.6	DAPATAN KAJIAN.....	84-87
4.7	RUMUSAN.....	87

BAB 5

RUMUSAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.0	PENGENALAN.....	88
5.1	RUMUSAN KAJIAN.....	88-89
5.2	CADANGAN KEPADA MUZIUM ETNOLOGI NEGERI SARAWAK.....	89-90
5.2.1	<i>Hands-on Exhibition</i>	90
5.2.2	Pelayanan Umum.....	90-91
5.3	CADANGAN KEPADA MUZIUM LAIN.....	91
5.3.1	Bidang Teknikal.....	91-92
5.3.2	Bidang Artistik.....	92
5.3.3	Bidang Pelayanan Umum.....	93
5.4	CADANGAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG.....	93
5.4.1	Mengkaji Prosedur Kemasukan Dan Pengeluaran Koleksi Di Jabatan Muzium Sarawak.....	93
5.4.2	Mengkaji Teknik Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Artifak Di Muzium Etnologi Negeri Sarawak.....	94
5.4.3	Mengkaji Organisasi Muzium Etnologi Negeri Sarawak Dari Aspek Pengurusan Seni.....	94
5.5	RUMUSAN.....	95

BIBLIOGRAFI	96
Buku	96
Jurnal	97
Laman Sesawang	97
Sumber Lain	97
LAMPIRAN	98-105
Gambar 14 dan Gambar 15 : Maklumat Informan	98
Gambar 16 Pengkaji Bersama Informan Serta Beberapa Rakan Lain Setelah Selesai Sesi Temubual	98
Gambar 17 Hingga Gambar 24 : pameran koleksi artifak di Muzium Etnologi Negeri Sarawak	99-102
Soalan Temubual Bersama Informan	103-04
Borang Kaji Selidik	105-109

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab satu (1) ini merangkumi latar belakang kajian yang menjelaskan kepada pembaca berkaitan objek dan subjek kajian. Bab ini juga mengandungi permasalahan kajian yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pada bahagian ini, pembaca akan memahami tentang masalah atau isu yang dilihat oleh pengkaji dan membuatkan pengkaji menetapkan beberapa objektif kajian bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. Bagi menyelesaikan permasalahan kajian tersebut dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan, pengkaji telah menimbulkan beberapa persoalan kajian bagi membantu memudahkan lagi kajian dijalankan. Melalui bab satu (1) ini juga, pembaca akan dijelaskan berkaitan kepentingan kajian ini kepada beberapa pihak yang terlibat. Selain itu, pada bab ini juga pengkaji telah menjelaskan tentang skop dan lokasi kajian serta kerangka kerja yang digunakan bagi menjalankan kajian ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Objek bagi kajian ini adalah Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Muzium Negeri Sarawak mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Muzium ini merupakan salah sebuah

muzium yang terbaik di seluruh Asia. Ia juga merupakan sebuah muzium yang mempunyai koleksi artifak arkeologi dan etnologi Borneo yang sangat baik. Muzium ini terletak di Jalan Tun Abang Haji Openg, 93566, Kuching, Sarawak. Muzium Negeri Sarawak merupakan sebuah muzium yang tertua dan terkenal di Asia Tenggara. Walaupun muzium ini tidaklah secanggih muzium-muzium lain yang terdapat di Malaysia, namun ia mampu menggambarkan semangat pengasasnya iaitu Raja Putih Sarawak, Charles Brooke. Muzium ini dibina oleh Charles Brooke sendiri atas galakan sahabatnya, Alfred Russel Wallace yang terkenal dengan *Wallace Line* yang memisahkan Bali dari Lombok. Bangunan asal Muzium Negeri Sarawak telah dibina pada tahun 1891 dan diperluaskan pada tahun 1911. Ia mempamerkan kesenian asli dan kraf tempatan serta koleksi spesimen fauna tempatan yang dikumpul oleh Wallace. Muzium ini berkembang perlahan-lahan dan berjaya menggambarkan identiti dan tradisi tempatan. Muzium Sarawak memperoleh pengiktirafan antarabangsa bukan sahaja sebagai muzium yang hebat tetapi juga sebagai pusat penyelidikan Borneo di mana Muzium Jurnal Sarawak yang diterbitkan setiap tahun untuk edaran dunia sejak tahun 1910. Ia kaya dengan kesenian, kebudayaan dan warisan Sarawak serta repositori kelas pertama budaya Borneo dengan koleksi flora dan fauna di Borneo yang terbesar di dunia. Bagi menghargai kewujudannya, Muzium Sarawak telah ditubuhkan sebagai sebuah jabatan sepenuhnya di bawah Kementerian Pelancongan dan Warisan Sarawak.

Manakala subjek bagi kajian ini pula adalah pengurusan kaedah pameran yang diamalkan di muzium berkenaan. Pelbagai kaedah yang digunakan bagi menjayakan pameran di sana. Kaedah yang digunakan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya adalah saiz koleksi, tahap sensitiviti koleksi terhadap suhu dan suasana persekitarannya, bilangan koleksi dan sebagainya.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Piaw. C.Y (2006), masalah kajian merupakan isu yang timbul, yang menarik perhatian atau menjadi penggerak serta dorongan untuk melakukan kajian ke atasnya. Terdapat beberapa perkara atau isu yang timbul yang telah menarik perhatian pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Antaranya adalah masyarakat kurang jelas tentang kaedah pengurusan pameran yang betul. Kerap kali masyarakat melawat sesebuah pameran hanya ingin melihat koleksi artifak yang dipamerkan dan tidak mengambil tahu mengenai pengurusan kaedah pameran yang betul. Pengkaji melihat, pengurusan kaedah pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak dipengaruhi faktor-faktor dan ciri-ciri koleksi yang tertentu, sebagai permasalahan bagi kajian ini. Antara faktor yang mempengaruhinya adalah faktor saiz koleksi dan tahap sensitivitinya terhadap suhu dan persekitaran. Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa kaedah pameran yang diaplikasikan oleh kurator Muzium Etnologi Negeri Sarawak kurang didedahkan kepada masyarakat.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan tiga (3) objektif kajian. Antara objektifnya adalah :

- i. Mengenalpasti keberkesanan pengurusan kaedah pameran koleksi di Muzium Etnologi Negeri Sarawak.
- ii. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pameran koleksi di Muzium Etnologi Negeri Sarawak.
- iii. Mengetahui pengurusan kaedah pameran yang diaplikasikan oleh kurator untuk melakukan pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian sendiri pengkaji di lokasi kajian, pengkaji mendapati beberapa persoalan dapat ditimbulkan bagi menjalankan kajian ini. Antaranya adalah :

- i. Adakah pengurusan kaedah pameran koleksi di Muzium Etnologi Negeri Sarawak berkesan?
- ii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kaedah pameran koleksi di Muzium Etnologi Negeri Sarawak?
- iii. Bagaimanakah kaedah pengurusan pameran yang diaplikasikan di Muzium Etnologi Negeri Sarawak?

1.5 SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan mampu memberi impak kepada pelbagai pihak. Antaranya adalah :

1.5.1 Kepentingan Kepada Golongan Pengkaji.

Setiap kajian yang dilakukan di dunia ini mempunyai signifikan atau kepentingannya yang tersendiri. Kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji yang ingin melakukan kajian pada masa akan datang. Pengkaji lain dapat menjadikan kajian ini sebagai satu rujukan untuk memperoleh sumber pengetahuan yang sah dan boleh dipercayai samada sumber pengetahuan yang saintifik atau logik berkaitan pengurusan kaedah pameran di sesebuah muzium atau galeri.

1.5.2 Kepentingan Kepada Masyarakat.

Kajian ini juga penting kepada masyarakat. Ia dapat dijadikan sebagai alat untuk memungut bukti kepada keraguan dan memberi jawapan kepada keraguan dan masalah yang timbul berkaitan objek dan subjek kajian. Selain itu, kajian ini dapat memperbetulkan stereotaip, tradisi dan kepercayaan yang tidak benar serta dapat dijadikan sebagai alat penerangan, iaitu untuk menerangkan keadaan sebenar dalam suatu fenomena, seperti perbezaan, perhubungan dan sebagainya berdasarkan aspek yang dikaji.

1.5.3 Kepentingan Kepada Muzium Etnologi Negeri Sarawak.

Kajian ini juga akan memberi impak kepada pihak Muzium Etnologi Negeri Sarawak sendiri. Muzium berkenaan boleh menjadikan kajian ini sebagai alat untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan pengurusan kaedah pameran mereka. Dalam masa yang sama mereka dapat memperbaiki pengurusan kaedah pameran yang diaplikasikan sekarang kepada yang lebih baik.

1.5.4 Kepentingan Kepada Muzium Lain.

Kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan oleh pihak muzium yang lain. Kajian ini mampu menyalurkan maklumat-maklumat dan data-data yang sahih untuk dijadikan sebagai rujukan pihak muzium yang lain.

1.5.5 Kepentingan Kepada Kurator Muzium.

Bagi pihak kurator Muzium Etnologi Negeri Sarawak serta muzium-muzium yang lain, kajian ini mampu membantu mereka mengenalpasti pengurusan kaedah pameran yang bersesuaian dengan jenis dan ciri-ciri koleksi tertentu. Kajian ini juga akan membantu pihak kurator untuk mengadakan pameran menggunakan sistem pengurusan yang betul supaya

pameran tersebut berjaya dilaksanakan, dalam masa yang sama mampu menarik minat lebih ramai pengunjung untuk berkunjung ke muzium berkenaan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada bidang pengurusan kaedah pameran artifak muzium di mana ianya melibatkan individu-individu yang berkerjaya sebagai kurator muzium. Aspek yang ingin dikaji adalah pengurusan kaedah pameran di Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Pengkaji menitikberatkan aspek pengurusan kaedah pameran, pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi, penyimpanan koleksi, kaedah mendapatkan koleksi serta cara mendokumenkan koleksi yang terdapat di Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Kajian ini juga akan mengkaji faktor-faktor dan ciri-ciri yang mampu mempengaruhi pengaplikasian pengurusan kaedah pameran di muzium berkenaan. Akhir sekali, kajian ini menumpukan kepada aspek kaedah pameran yang diaplikasikan oleh kurator muzium terbabit bagi mempamerkan koleksi artifiknya kepada umum.

Dari aspek respondan, pengkaji menfokuskan kepada kakitangan Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Pengkaji sengaja menjadikan kakitangan muzium sebagai respondan bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkaitan aktiviti pameran yang dijalankan di muzium berkenaan. Selain itu, pengkaji juga menfokuskan golongan pelajar yang terdiri daripada siswa siswi Universiti Malaysia Sarawak yang mendaftar dalam program Pengurusan Seni. Pelajar program Pengurusan Seni lebih terdedah kepada bidang pengurusan acara termasuklah pameran di muzium. Dengan ini, pengkaji dapat menerima maklum balas akademik berkaitan pengurusan kaedah pameran di muzium dari mereka.

Dari aspek lokasi kajian pula, skop bagi lokasi kajian ini tertumpu kepada Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Hal ini kerana muzium berkenaan telah lama ditubuhkan dan banyak melakukan pameran yang melibatkan koleksi etnologi yang dikumpulkan. Pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dan data berkaitan pengurusan kaedah pameran yang telah diaplikasikan di muzium berkenaan.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji akan menghadapi beberapa cabaran dan limitasi yang tertentu. Cabaran atau limitasi yang bakal dihadapi oleh pengkaji adalah kekurangan sumber maklumat dan data berkaitan objek kajian. Maklumat dan data berkaitan objek kajian tidak banyak didokumenkan dalam bentuk buku, artikel atau jurnal. Hal ini menyebabkan pengkaji perlu mengumpul maklumat dan data berkaitan objek kajian melalui sumber lain seperti internet dan merujuk kepada kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji yang lain. Perkara ini sedikit sebanyak telah membataskan sumber maklumat dan data yang mampu diperoleh oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini.

Permasalahan dari aspek masa. Kakitangan Muzium Etnologi Negeri Sarawak kebanyakannya sibuk dengan tugas masing-masing sepanjang masa. Jadi ianya menyukarkan pangkaji untuk mengatur sesi temubual bersama informan yang disasarkan seperti kurator muzium dan kakitangan yang lain. Pengkaji tidak dapat mengatur sesi temu bual mengikut kelapangan masa pengkaji, sebaliknya perlu mengikut kelapangan masa kakitangan muzium berkenaan. Hal ini menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan maklum balas dari informan.


Pengkaji juga akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat dan data sekunder. Hal ini kerana, lokasi kediaman pengkaji berada agak jauh dengan beberapa lokasi

pengumpulan maklumat dan data sekunder seperti Pustaka Negeri Sarawak. Pengkaji perlu mencari inisiatif yang relevan untuk pergi ke lokasi berkenaan.

Akhir sekali, pengkaji akan menghadapi masalah untuk merujuk kepada kajian lepas. Hal ini disebabkan masa bilik tesis Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) dibuka berselisih dengan masa kelas pengkaji. Selain itu, bilik tesis berkenaan hanya dibuka untuk jangka masa yang agak singkat iaitu dua (2) jam.

1.8 LOKASI KAJIAN

Kajian ini dilakukan di Muzium Etnologi Negeri Sarawak. Muzium ini terletak di Jalan Tun Abang Haji Openg, 93566 Kuching, Sarawak. Jarak antara Desa Ilmu, Kota Samarahan, Sarawak ke Muzium Negeri Sarawak adalah sejauh 23.1 Kilometer (KM) dan mengambil masa selama 29 minit untuk sampai.



Gambar 1 : Peta Lokasi Kajian.